

## KEMBARA MERDEKA - PROGRAM KESEDARAN LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

30 Ogos 2022 - Alor Setar, Kedah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dengan kerjasama Kelab Alam Sekitar Kedah (KASKED) telah mengadakan satu program konvoi motosikal pada 29 Ogos 2022 di Hutan Lipur Lata Bayu, Baling dan Taman Eko Rimba Lata Mengkuang, Sik.

Program tersebut turut mendapat kerjasama erat daripada Rakan Strategik iaitu Penggerak Komuniti Negara Parlimen Pokok Sena dan Kelab Permotoran GAA Motorsport Kedah.

Objektif utama penganjuran adalah bagi merealisasikan kempen kesedaran larangan pembakaran terbuka melalui edaran risalah kepada pengunjung dan penduduk setempat berkaitan larangan pembakaran terbuka dan penggantungan 'banner' kempen pencegahan pembakaran terbuka di kawasan tumpuan pelancong.

Bagi memeriahkan bulan kemerdekaan, Jalur Gemilang turut diedar kepada seramai 35 Rakan Alam Sekitar (RAS) yang merupakan peserta konvoi dan dikibarkan sepanjang aktiviti berlangsung.

#kementerialamsekitardanair  
#jabatanalamsekitar  
#jaskedah  
#alamsekitartanggungjawabbersama